

06 DEC 2002

Raya-Rangkuman

UMAT ISLAM MENYAMBUT HARI RAYA DENGAN PENUH KESYUKURAN

KUALA LUMPUR, 6 Dis (Bernama) -- Umat Islam di seluruh negara hari ini menyambut hari lebaran dengan penuh kesyukuran kerana rahmat yang dikurniakan oleh Allah di bumi yang bertuah ini.

Umat Islam Malaysia meraikan Aidilfitri dalam suasana aman damai dan makmur serta berbangga dengan pencapaian mereka baik di dalam ataupun di luar negara walaupun pandangan serong masyarakat dunia terhadap Islam amnya.

Mereka juga sedar rakan-rakan mereka di beberapa negara seperti Palestin tidak dapat menyambutnya dengan sempurna kerana penindasan pihak luar ataupun pergolakan politik.

Sambutan bermula dengan amalan tradisi solat Aidilfitri di masjid-masjid dan majlis rumah terbuka yang mengeratkan lagi tali silaturahmi bukan sahaja di kalangan ummah tetapi juga dalam masyarakat majmuk di negara ini.

Di Kuala Lumpur, Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid dengan diiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menunaikan solat Aidilfitri di Masjid Negara bersama rakyat jelata.

Turut menunaikan solat Aidilfitri ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri Datin Seri Hendon Mahmood, isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan beberapa orang Menteri dan duta asing.

Selepas menunaikan solat Aidilfitri, rakyat jelata berpusu-pusu untuk bersalaman dengan Yang di-Pertuan Agong yang berpakaian baju Melayu berwarna hijau muda dan Dr Mahathir yang berpakaian baju Melayu berwarna biru gelap.

Sementara itu, wargakota, terutamanya daripada kalangan bukan Islam selain melawat rumah terbuka, juga mengambil peluang cuti Hari Raya untuk bersiar-siar.

Di SERI MENANTI, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Ja'afar dan Tuanku Ampuan Tuanku Najihah menunaikan solat Aidilfitri bersama rakyat di Masjid Diraja Tuanku Munawir, Seri Menanti, Kuala Pilah.

Baginda berdua dan kerabat diraja yang lain kemudian mengadakan tahlil di Makam Diraja Seri Menanti sebelum berkenaan mengadakan rumah terbuka di Istana Besar Seri Menanti dari pukul 10.30 pagi sehingga 12.30 tengah hari.

Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad pula mengadakan rumah terbuka di kediaman rasminya di Seremban bermula pukul 10 pagi.

Di KUALA KANGSAR, Sultan Azlan Shah berangkat menunaikan sembahyang Aidilfitri di Masjid Ubudiah.

Baginda disertai oleh Raja Muda Perak, Raja Nazrin Shah, Raja Dihilir Perak, Raja Jaafar Raja Muda Musa, anggota-anggota kerabat diraja Perak, Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Zainal Abidin Zin dan pegawai-pegawai Kerajaan Negeri.

Sultan Azlan kemudiannya menziarahi Makam Diraja sebelum mengadakan majlis sambutan Hari Raya di Istana Iskandariah.

Tajol Rosli pula mengadakan rumah terbuka Aidilfitri di kediamannya di Jalan Tambun di sini antara 3 petang dan 5 petang.

Di KUANTAN, Sultan Pahang Sultan Ahmad Shah berangkat menunaikan sembahyang Aidilfitri di masjid negeri Sultan Ahmad I di sini yang turut disertai Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah dan Tengku Muda Tengku Abdul Rahman.

Turut hadir ialah Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob dan Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob.

Sementara itu, Sultan Pahang Sultan Ahmad Shah di dalam perutusan Hari Raya bertitah umat Islam amnya perlu memanjat syukur kepada Allah kerana atas limpah rahmat-Nya negara ini sentiasa aman dan terhindar dari segala bencana.

Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob dalam perutusan Hari Raya pula berkata, rakyat di negara ini yang menjalani hidup aman dan makmur perlu melipat gandakan lagi usaha memupuk perpaduan.

Di KANGAR, Pemangku Raja Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Syed Sirajuddin Putra menyertai ribuan rakyat jelata menunaikan sembahyang sunat Hari Raya Aidilfitri di Masjid Negeri, Arau.

Selepas bersembahyang, baginda menziarahi makam almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail yang juga nenda baginda di Makam Diraja Arau yang terletak berhampiran masjid berkenaan.

Baginda dan Raja Puan Muda, Tuanku Lailatul Shahreen Khalil Akashah juga berkenan menerima mengadap para pembesar dan rakyat jelata pada rumah terbuka di Istana Arau mulai pukul 9.30 pagi hingga 11 pagi.

Antara pembesar yang hadir ialah Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim.

Sementara itu, Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah Abdul Rashid akan berangkat menghadiri majlis jamuan hari raya di Kompleks Warisan di sini tengah hari esok.

Di KUCHING, Yang Dipertua Negeri Tun Abang Muhammad Salahuddin Abang Barieng menyertai lebih kurang 3,000 umat Islam bagi sembahyang Aidilfitri di Masjid Jamek di Petra Jaya.

Antara yang turut serta ialah Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud, Menteri Pelancongan Sarawak Datuk Sri Abang Johari Tun Abang Openg dan beberapa orang kenamaan lain.

Kemudian ketua negeri itu bersama isterinya, Toh Puan Norkiah menganjurkan rumah terbuka Aidilfitri di Istana di Petra Jaya sementara Abdul Taib dan isteri, Puan Sri Laila Taib mengadakan rumah terbuka mereka di Stadium Perpaduan di Petra Jaya.

Di KUALA TERENGGANU, Sultan Mizan Zainal Abidin bersama Permaisuri Nur Zahirah berangkat menunaikan solat sunat Hari Raya di Masjid Al Mutafibillah Shah, Kampung Ladang.

Keberangkatan baginda diiringi oleh Menteri Besar Datuk Seri Abdul Hadi Awang serta anggota-anggota Exco Kerajaan Negeri dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Sultan Mizan bersama permaisuri Nur Zahirah kemudiannya berangkat menziarahi makam diraja di perkarangan masjid berkenaan sebelum mengadakan rumah terbuka di Istana Maziah.

Abdul Hadi pula mengadakan rumah terbuka di kediamannya di Kampung Rusila, Marang selepas solat sunat berkenaan.

Di PULAU PINANG, Yang Dipertua Negeri Tun Abdul Rahman Abbas menunaikan sembahyang sunat Hari Raya di Masjid Negeri yang disertai oleh lebih 2000 umat Islam.

Sementara itu, antara pemimpin yang menganjurkan majlis rumah terbuka pada hari raya pertama ini ialah Timbalan Ketua Menteri Datuk Dr Hilmi Yahaya, Anggota Exco Kerajaan Negeri Datuk Azhar Ibrahim dan Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Yahya Abdul Hamid.

Di KOTA BAHARU, Sultan dan Raja Perempuan Kelantan menunaikan solat Aidilfitri di Masjid Muhammadi di sini.

Baginda berdua kemudiannya menerima mengadap rakyat untuk berHari Raya di Istana Balai Besar di sini dari 9.15 pagi hingga 10 pagi. Selepas itu, Sultan dan Raja Perempuan menziarahi Makam Diraja di Langgar di sini.

Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menunaikan solat Aidilfitri di Masjid Pulau Melaka dekat di sini. Beliau mengadakan rumah terbuka di rumahnya yang terletak di Pulau Melaka bermula apabila selesai sembahyang.

Di ALOR STAR, Sultan, Sultanah, Raja Muda, Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan ribuan umat Islam menunaikan solat sunat Aidilfitri di Masjid Zahir.

Sultan Kedah mengadakan rumah terbuka di Istana Anak Bukit mulai 10 pagi ini sementara Syed Razak mengadakan rumah terbuka di kediaman rasmi Seri Mentalon, di sini.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mengadakan majlis rumah terbuka di Kepala Batas, esok.

Di KOTA KINABALU, Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Sakaran Dandai menyertai ribuan umat Islam bagi menunaikan sembahyang sunat Hari Aidilfitri di Masjid Negeri di Sembulan, dekat sini.

Selepas sembahyang itu, beliau dan isteri Toh Puan Hajah Siti Rukaiyah Panglima Abdullah mengadakan rumah terbuka di Istana Negeri.

Antara orang kenamaan yang hadir ialah Ketua Menteri Datuk Chong Kah Kiat, Menteri-menteri Kabinet negeri dan para pemimpin masyarakat.

Turut mengadakan rumah terbuka pada hari pertama ialah Timbalan Ketua Menteri Sabah Datuk Lajim Haji Ukin di Dewan Maksak dan Menteri Kewangan Negeri Datuk Musa Aman di km 4, Jalan Tuaran, dekat sini.

-- BERNAMA

MZM NER NT JA RV PR